

## **PENDEKATAN SIMULASI LISAN FRASA BAHASA ARAB DALAM PENGAJARAN DI SEKOLAH RENDAH, TELUPID, SABAH**

### ***THE APPROACH OF VERBAL SIMULATION OF ARABIC PHRASES IN TEACHING AT PRIMARY SCHOOLS IN TELUPID, SABAH***

***Abdul Sukur Japri<sup>1</sup>, Harun Baharudin<sup>2\*</sup> Kazimah Kadai<sup>3</sup> & Khairul Anuar Jali<sup>4</sup>***

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>1 2 3 4</sup>*

*Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak<sup>3</sup>*

*harunbaharudin@ukm.edu.my\**

#### **ABSTRACT**

*Learning verbal simulation, whether it be through the simulation of Arabic words, letters, or phrases, is crucial and should begin in primary school. Students who are learning Arabic as a second language must master verbal simulation or speaking skills. Many problems arise related to the issue of Arabic-speaking skills among students, which is becoming more and more concerning. This study endeavors to delve into the challenges associated with the verbal imitation of Arabic phrases, and to thoroughly examine the instructional strategies for oral imitation of Arabic phrases that educators, particularly in the classroom, can implement. For data acquisition, a qualitative study was conducted by interviewing three respondents, consisting of three Arabic language panel head teachers from three different primary schools in Telupid, Sabah. The study revealed that the respondents shared two issues: general and specific, and employed three methods to address these issues: audio simulation of native speakers, syllable pronunciation, and peer learning. This study can also help teachers to ensure that the process (PdP) runs well as well as give ideas on the variety of teaching activities that teachers can do. In conclusion, it is crucial for Arabic teachers to conduct research on this study, as the results offer recommendations for the most effective teaching methods that teachers can implement simultaneously to address the problem of verbal imitation of Arabic phrases among students.*

**Keywords:** *verbal simulation, Arabic phrases, primary school teacher, Sabah.*

#### **ABSTRAK**

Pembelajaran simulasi lisan, sama ada dalam bentuk simulasi perkataan, huruf, atau frasa dalam bahasa Arab, merupakan elemen penting yang perlu diperkenalkan seawal peringkat sekolah rendah. Penguasaan simulasi lisan atau kemahiran bertutur adalah komponen utama yang harus dikuasai oleh murid, terutamanya bagi mereka yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Namun demikian, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi berkaitan dengan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan murid, dan situasi ini semakin membimbangkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka isu-isu yang timbul dalam proses simulasi lisan frasa bahasa Arab serta mengkaji secara mendalam kaedah pengajaran yang boleh diterapkan oleh guru, khususnya di dalam bilik darjah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temu bual bersama tiga orang guru ketua panitia bahasa Arab dari tiga buah sekolah rendah yang berbeza di daerah Telupid, Sabah. Hasil kajian mengenal pasti dua kategori isu, iaitu isu umum dan isu khusus yang dialami oleh murid, dan tiga kaedah utama untuk mengatasi isu tersebut dikenal pasti, termasuk simulasi audio penutur jati, latihan sebutan suku kata, dan pembelajaran rakan sebaya (*peer learning*). Kajian ini juga dapat membantu guru-guru dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berjalan lancar serta memberi pelbagai idea

inovatif bagi aktiviti pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah. Sebagai kesimpulan, kajian ini menyediakan panduan yang berharga kepada guru-guru bahasa Arab, kerana ia bukan sahaja mengemukakan cadangan aktiviti pengajaran yang berkesan tetapi juga menawarkan penyelesaian untuk menangani isu simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid.

**Kata kunci:** *Simulasi lisan, Frasa Bahasa Arab, Guru sekolah rendah, Daerah Telupid, Sabah.*

## **PENGENALAN**

Bahasa Arab ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran elektif di sekolah rendah di Malaysia. Di peringkat sekolah menengah, ia bukan sahaja menjadi mata pelajaran teras di sekolah-sekolah aliran agama, malah turut ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah menengah kebangsaan serta beberapa institusi pendidikan berprestasi tinggi seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kedudukan bahasa Arab semakin dipandang tinggi, malah ia kini menjadi kursus yang mempunyai nilai prestij, menarik minat pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Pengajian Tinggi, khususnya di universiti. Trend ini seiring dengan galakan dan peluang yang disediakan kepada pelajar untuk mempelajari bahasa asing, sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Gamal (2003), bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai bahasa agama, tetapi juga sebagai bahasa pendidikan, budaya, dan komunikasi global. Dalam konteks pembelajaran bahasa di peringkat sekolah, penekanan diberikan kepada empat kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (Ismail et al., 2011). Penguasaan kemahiran bertutur diberikan perhatian sebagai salah satu prinsip utama yang ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), kemahiran bertutur merangkumi keupayaan murid untuk berkomunikasi serta menyampaikan idea dan maklumat secara berkesan, dengan penekanan diberikan kepada intonasi serta tekanan suara yang tepat. Penguasaan kemahiran ini juga merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa (Luoma, 2004).

Kelemahan pelajar Malaysia dalam penguasaan bahasa Arab, khususnya kemahiran bertutur, semakin membimbangkan meskipun bahasa ini diajar sejak sekolah rendah. Antara faktor utama adalah kurangnya penglibatan pelajar dalam simulasi lisan menyerupai penutur jati, rasa malu, kekurangan kosa kata, dan kebimbangan terhadap kesilapan serta penilaian negatif (Ab. Halim, 2009; Ashinida, 2012; Mohd Salihin et al., 2020; Horwitz et al., 1986). Gangguan bahasa Melayu turut menyumbang kepada kesilapan sebutan seperti vokal panjang dan pendek (Nur Afifah, 2012; Mohd Azidan, 2004). Untuk menangani masalah ini, pelbagai teknik seperti soal jawab, mendengar dan mengulang, dialog, dan aplikasi pengajaran bertutur telah dicadangkan, namun keberkesanannya masih memerlukan kajian lanjut (Kamarulzaman & Saiful Nizam, 2019; Rosni et al., 2013).

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian tentang simulasi lisan dan kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa asing, khususnya bahasa Arab, telah banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Kajian-kajian ini melibatkan pelbagai peringkat akademik, dari sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Salah satu kajian yang relevan dalam konteks ini ialah kajian oleh Mohd Azidan (2004) yang meneliti

gangguan bunyi bahasa Melayu dalam sebutan bahasa Arab. Kajian tersebut telah menggariskan pelbagai bentuk gangguan bunyi yang menyumbang kepada kesalahan sebutan huruf Arab, yang seterusnya memberi impak kepada kemampuan penutur bukan asli dalam pengucapan bahasa Arab, terutamanya dari segi sebutan huruf, perkataan, dan frasa.

Kajian mengenai kemahiran bertutur bahasa Arab ini dimulakan dengan mengenal pasti punca masalah, iaitu kesilapan dalam sebutan huruf hijaiyyah. Fadzliyah (2019) telah menjalankan kajian berkaitan dengan kelemahan murid prasekolah dalam mengenali dan mengingat huruf hijaiyyah. Kajian beliau yang bertajuk "*Meningkatkan Penguasaan Ejaan Huruf Hijaiyyah Melalui Aplikasi 'MulMed' dalam Kalangan Murid Prasekolah*" mendapati bahawa penggunaan aplikasi "MulMed" berupaya meningkatkan penguasaan huruf hijaiyyah dalam kalangan murid dalam tempoh satu bulan. Penemuan ini menekankan betapa pentingnya penguasaan asas huruf hijaiyyah dalam pendidikan awal bagi memperbaiki kemahiran bertutur di masa hadapan.

Menurut kajian Nurazan (2018), masalah utama yang menghalang penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah kekurangan perbendaharaan kata, kurangnya aplikasi praktikal, dan rendahnya keyakinan diri. Masalah-masalah ini boleh diatasi melalui pelbagai teknik pengajaran yang mewujudkan persekitaran kondusif di mana pelajar dapat menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi lisan mereka (Norfaezah, 2015). Kajian Kamarul et al. (2009) juga mendapati bahawa motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap sederhana, justeru pentingnya untuk guru-guru mencipta persekitaran pembelajaran yang menarik dan meningkatkan motivasi pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Salwa et al. (2021) tentang kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan asli menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab ketika berinteraksi di luar bilik darjah masih rendah. Banyak pelajar mengambil masa untuk menterjemahkan fikiran mereka dari bahasa Melayu sebelum mampu bertutur dalam bahasa Arab, menyebabkan kesinambungan dalam perbualan menjadi terganggu. Kajian Anuar (2016) turut mendapati bahawa hanya 4 peratus pelajar di asrama secara aktif menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi harian mereka, yang menunjukkan tahap penguasaan yang masih lemah.

Di samping itu, kajian-kajian yang melibatkan kaedah pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab telah dijalankan oleh pelbagai penyelidik. Azrul dan Harun (2019) dalam kajian mereka tentang amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab di Melaka memberikan panduan yang boleh diaplikasikan oleh guru bahasa Arab. Kajian Ziyad dan Saini (2017) pula mengkaji aplikasi Lughat al-Fasl dalam pengajaran bahasa Arab, yang sesuai untuk kemahiran bertutur di dalam bilik darjah. Sementara itu, Azhar et al. (2012) telah menyusun strategi kemahiran bertutur bahasa Arab yang melibatkan kaedah pengajaran yang bersepadu, induktif, dan deduktif. Pengajaran yang berkesan bergantung pada komunikasi yang baik, penguasaan bahasa oleh guru, serta pemahaman guru terhadap konsep strategi pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan analisis kajian lepas, terdapat kelompongan dalam kajian berkaitan kemahiran bertutur frasa Arab, yang kurang mendapat perhatian. Kebanyakan kajian terdahulu memfokuskan kepada bunyi huruf, kosa kata, dan bacaan, namun aspek frasa bahasa Arab belum dikaji secara mendalam. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada simulasi lisan frasa bahasa Arab dengan menekankan pengucapan mengikut cara penutur jati. Kajian ini juga unik kerana meneliti pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid di pedalaman Sabah, yang berbeza dari segi latar belakang budaya dan bahasa daripada murid di kawasan bandar. Kajian ini dijalankan dengan

matlamat untuk meneroka masalah-masalah yang wujud dalam kalangan murid pedalaman serta kaedah pengajaran terbaik yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran simulasi frasa bahasa Arab dalam bilik darjah.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka isu simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah, serta mengenal pasti kaedah pengajaran yang berkesan. Pemilihan kajian ini berdasarkan kesedaran bahawa banyak kajian lepas menumpukan kepada simulasi lisan huruf dan kosa kata, tetapi kurang memberi perhatian kepada kemahiran bertutur frasa. Selain itu, kajian ini juga penting bagi memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggubal kurikulum yang lebih efektif berdasarkan isu-isu semasa, selain menyediakan panduan kepada guru bahasa Arab di kawasan tersebut. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini mempunyai dua objektif iaitu:

1. Meneroka sejauh mana isu yang terkait dengan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.
2. Mengetahui kaedah pengajaran yang berkesan untuk diaplikasikan oleh guru ketika menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) simulasi lisan frasa bahasa Arab di dalam bilik darjah.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang dipilih secara teliti untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Kajian kualitatif adalah sejenis penyelidikan yang menumpukan kepada penerokaan mendalam terhadap fenomena dunia sebenar, membolehkan penyelidik memahami pandangan, pengalaman, dan pemikiran responden secara menyeluruh (Tenny et al., 2022). Pendekatan ini sangat relevan bagi mencapai objektif kajian pertama, iaitu untuk memahami isu simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Pemilihan reka bentuk ini juga memberikan fleksibiliti kepada penyelidik dalam mengumpul data melalui temu bual dan kajian kepustakaan.

Strategi penyelidikan ini melibatkan kajian lapangan yang dijalankan untuk meneroka isu-isu yang berkaitan dengan simulasi lisan frasa bahasa Arab. Tiga orang guru, yang masing-masing memegang jawatan sebagai Pengerusi Panitia Bahasa Arab, dipilih sebagai responden utama. Pemilihan guru-guru ini dilakukan berdasarkan kemudahan akses kepada mereka dan lokasi sekolah yang tidak berada di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, pengkaji menghadapi cabaran dalam menemu bual guru di sekolah pedalaman disebabkan kekangan logistik dan masa. Setiap responden telah diberikan kod identifikasi untuk tujuan analisis data. Responden pertama (PK01) berasal dari Sekolah Kebangsaan A, responden kedua (PK02) dari Sekolah Kebangsaan B, dan responden ketiga (PK03) dari Sekolah Kebangsaan C di Pekan Telupid. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mendapatkan pelbagai persepsi dan pengalaman dari guru-guru dengan latar belakang sekolah yang berbeza, sekali gus memberikan pandangan yang holistik terhadap isu yang dikaji.

Dua instrumen kajian utama telah digunakan, iaitu temu bual separa berstruktur dan kajian kepustakaan. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana ia membolehkan responden memberikan pandangan mereka dengan bebas, manakala pengkaji berpeluang untuk mengemukakan soalan susulan yang relevan. Kajian kepustakaan pula melibatkan rujukan kepada pelbagai sumber ilmiah seperti buku, jurnal, artikel, dan bahan kajian lain, sama ada bercetak mahupun elektronik. Protokol temu bual yang disediakan oleh pengkaji terdiri daripada empat bahagian:

1. Bahagian A: Merangkumi soalan pembinaan rapport untuk mewujudkan suasana mesra dan profesional antara pengkaji dan responden.
2. Bahagian B: Merangkumi soalan pembuka berkaitan latar belakang responden seperti pengalaman mengajar, kelulusan akademik, dan kelas yang diajar.
3. Bahagian C: Merangkumi soalan utama berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai simulasi lisan frasa bahasa Arab.
4. Bahagian D: Merangkumi soalan penutup yang bertujuan merumuskan dapatan dan harapan responden terhadap masa depan pengajaran bahasa Arab.

Prosedur pemerolehan data melibatkan rakaman temu bual menggunakan peranti audio dengan kebenaran responden untuk tujuan penyelidikan. Data yang dikumpulkan akan ditranskripkan kepada bentuk teks untuk dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. Penggunaan perisian ATLAS.ti dipilih kerana ia memudahkan proses pengekodan dan penganalisan data, khususnya dalam mengenal pasti tema dan subtema berdasarkan kata kunci yang dikenal pasti dalam transkrip. Selain itu, pengkaji telah mengikuti bengkel berkaitan analisis data kualitatif menggunakan perisian tersebut, yang membantu dalam memastikan analisis yang lebih cekap dan sistematik. Semua data akan dikategorikan secara teratur dalam fail klasifikasi yang sesuai, di mana pengekodan dilakukan untuk mengenal pasti tema dan subtema yang relevan. Pengkaji juga akan mendapatkan bimbingan daripada rakan sejawat dan merujuk kepada panduan yang berkaitan untuk memastikan analisis data yang tepat dan menyeluruh.


Dengan kaedah yang teratur dan teliti ini, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemahaman mengenai pengajaran dan pembelajaran simulasi lisan frasa bahasa Arab di sekolah rendah, serta menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Maksud Simulasi Lisan**

Sebelum membentangkan dapatan kajian berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab, adalah penting untuk memahami maksud simulasi lisan. Simulasi lisan merujuk kepada satu aktiviti yang melibatkan pemerolehan pengalaman melalui proses bertutur, di mana murid meniru atau mengajuk pertuturan yang didengar, seperti yang dinyatakan oleh Marilyn & William (1996). Guru memainkan peranan penting sebagai pembimbing, memberikan penerangan dan panduan sebelum murid melaksanakan simulasi ini (Bruce & Marsha, 1986). Dalam kajian ini, simulasi lisan diterjemahkan sebagai proses mendengar perkataan yang diungkapkan oleh guru dan kemudian diikuti oleh murid dengan sebutan yang betul. Berdasarkan temu bual dengan responden, simulasi lisan bukan sahaja melibatkan pengulangan bunyi tetapi juga melibatkan pemahaman intonasi dan sebutan yang tepat. Rajah 1 pula menggambarkan makna simulasi lisan berdasarkan persepsi responden dalam kajian ini.

Rajah 1: Maksud Simulasi Lisan



Sumber: Temu bual yang dijalankan terhadap responden.

### ***Mendengar dan Menyebut (Mengajuk)***

Simulasi lisan, khususnya dalam bentuk mengajuk atau meniru pertuturan, adalah merupakan aktiviti utama yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Arab Tahun 1. Berdasarkan DSKP tersebut, kemahiran pertama yang dikehendaki ialah kemahiran mendengar dan bertutur. Standard pembelajaran pertama untuk subjek bahasa Arab seawal murid tahun 1 iaitu kemampuan untuk mengajuk (simulasi) bunyi huruf yang didengar, mengulangnya dan menyebutnya. Berikut adalah petikan daripada responden yang memperjelas bagaimana simulasi lisan dijalankan di sekolah:

- "*Simulasi lisan ini lebih kepada murid mendengar apa yang kita sebut dan kemudian mereka ulang sebutan tersebut dengan betul*" (PK01).
- "*Saya faham simulasi lisan sebagai proses murid mendengar sebutan seperti al-masjid yang diungkapkan oleh guru dengan fasih, kemudian murid mengulangnya*" (PK02).
- "*Simulasi lisan adalah apabila murid mengajuk semula perkataan yang didengar dari kita*" (PK03).

### **Isu Simulasi Lisan Frasa Bahasa Arab**

Dapatan kajian ini menjawab persoalan pertama kajian iaitu isu yang berlaku berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah. Isu-isu ini dikategorikan kepada dua tema utama: isu umum dan isu khusus.

#### ***Isu Umum***

Tema isu umum merangkumi tahap penguasaan murid secara keseluruhan dan kemahiran asas mereka dalam simulasi lisan. Responden berkongsi pandangan mereka bahawa tahap penguasaan simulasi lisan dalam kalangan murid masih berada pada tahap sederhana dan rendah. Ini adalah dapatan umum daripada semua responden:

- "*Tahap penguasaan simulasi lisan murid di sekolah saya masih sederhana dan banyak yang lemah, mereka masih memerlukan bimbingan*" (PK02).
- "*Berdasarkan pemerhatian, tahap penguasaan simulasi lisan di kalangan murid masih rendah dan memerlukan latihan lebih*" (PK03).

Responden juga menekankan bahawa kemahiran asas seperti mengenal huruf hijaiyyah masih belum dikuasai oleh ramai murid, yang memberi kesan negatif kepada penguasaan simulasi lisan. PK01 menyatakan:

- "*Murid tidak menguasai huruf hijaiyyah dengan betul, yang menyebabkan mereka sukar menguasai kemahiran bertutur*" (PK01).

#### ***Isu Khusus***

Selain daripada isu umum, kajian ini juga mengenal pasti beberapa isu khusus yang turut memberi impak kepada penguasaan simulasi lisan frasa bahasa Arab. Tiga subtema utama yang dikenal pasti ialah persekitaran keluarga, persekitaran sekolah, dan penggunaan bahasa Arab.

##### ***Persekitaran Keluarga***

Latar belakang keluarga merupakan faktor penting yang mempengaruhi kemahiran bertutur murid. Responden bersetuju bahawa sokongan dan latar belakang keluarga memainkan peranan besar dalam membentuk kemampuan murid menguasai bahasa Arab. Jika ibu bapa kurang memberi perhatian kepada pembelajaran bahasa Arab di rumah, ia akan memberi kesan kepada penguasaan anak mereka. Hal ini dapat dilihat melalui pandangan PK01 dan PK03:

- "*Latar belakang keluarga murid memberi impak besar. Jika keluarga tidak membantu, murid akan sukar untuk menguasai bahasa Arab*" (PK01).

- "Isu keluarga memainkan peranan penting, kerana murid tidak mendapat sokongan yang mencukupi di rumah" (PK03).

#### *Persekitaran Sekolah*

Persekitaran sekolah yang tidak kondusif juga dikenal pasti sebagai salah satu isu yang mempengaruhi penguasaan simulasi lisan. PK03 menekankan bahawa jika sekolah tidak menyediakan persekitaran yang mendukung penggunaan bahasa Arab, murid sukar untuk mempraktikkan apa yang dipelajari. Katanya:

- "Persekitaran sekolah sangat penting, terutama untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang membolehkan murid menggunakan bahasa itu dengan lebih kerap" (PK03).

#### *Penggunaan Bahasa Arab*

Kurangnya pendedahan murid kepada bahasa Arab di luar bilik darjah, termasuk kekurangan kelas tambahan seperti kelas mengaji, turut menjadi halangan besar kepada penguasaan simulasi lisan. Responden menyatakan bahawa murid tidak mendapat peluang yang cukup untuk mendengar dan bertutur dalam bahasa Arab di rumah atau di luar sekolah:

- "Murid kurang terdedah kepada bahasa Arab di luar sekolah, ini termasuk kekurangan kelas mengaji dan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan harian mereka" (PK01).

### **Kaedah Pengajaran Simulasi Lisan Frasa Bahasa Arab**

Beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk meningkatkan penguasaan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid dikenal pasti melalui dapatan kajian ini.

#### ***Simulasi Audio Penutur Jati***

Penggunaan teknologi seperti rakaman audio penutur jati bahasa Arab atau video dari platform seperti YouTube dapat membantu murid mendengar dan meniru sebutan yang tepat. Penggunaan teknologi ini disarankan oleh Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007), yang mencadangkan aplikasi multimedia dalam PdP untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan interaktif.

#### ***Sebutan Suku Kata***

Kaedah mengajarkan sebutan perkataan melalui pemisahan suku kata juga disarankan sebagai teknik yang efektif. Ini memberikan murid peluang untuk memahami setiap suku kata sebelum menggabungkannya menjadi satu perkataan. Kamarudin (1988) menegaskan bahawa menggabungkan bunyi-bunyi untuk membentuk suku kata adalah peringkat penting dalam penguasaan sebutan.

#### ***Pembelajaran Rakan Sebaya***

Pembelajaran bersama rakan sebaya (*Peer learning*) didapati sebagai kaedah yang membantu murid memperbaiki simulasi lisan mereka. Menurut Lynch (2006) dan Yoshida (2008), interaksi dan kolaborasi dalam kalangan rakan sebaya dapat meningkatkan pemahaman dan keyakinan murid dalam bertutur bahasa Arab.

Dapatan kajian ini menekankan kepentingan memulakan latihan simulasi lisan frasa bahasa Arab sejak di peringkat sekolah rendah. Tiga kaedah utama yang disarankan untuk membantu murid menguasai simulasi lisan ialah penggunaan simulasi audio penutur jati, pengajaran sebutan suku kata, dan pembelajaran bersama rakan sebaya. Guru disarankan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran agar murid dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih baik dan bersedia untuk

peringkat pengajian yang lebih tinggi (Marilyn & William, 1996; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007; Kamarudin, 1988; Lynch, 2006; Yoshida, 2008).

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti pelbagai isu yang berkaitan dengan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah. Isu-isu yang dikenal pasti melibatkan faktor persekitaran keluarga, latar belakang murid, dan persekitaran sekolah, yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam tahap penguasaan bahasa Arab. Melalui analisis data temu bual, responden sependapat mengatakan bahawasanya tahap pencapaian murid mereka secara puratanya masih berada pada tahap yang lemah. Mengikut kajian (Noor Anida et al. 2013), 75% daripada peserta kajian masih berada pada tahap pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab yang lemah dan selebihnya adalah sederhana. Hal ini terjadi kerana setiap murid mencapai tahap penguasaan yang tidak sama kerana potensi setiap murid adalah berbeza dan tidak sama (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019). Kesemua peserta kajian juga sependapat apabila mengemukakan isu berikutnya iaitu isu latar belakang keluarga murid yang turut menyumbang kepada penguasaan simulasi lisan yang agak lemah. Tambahan daripada responden kedua pula ialah menurutnya sebahagian ibu bapa lebih mementingkan subjek lain berbanding subjek bahasa Arab. Kenyataan-kenyataan tersebut disokong oleh Ismahalil (2018), menurutnya kesan negatif terhadap perkembangan anak-anak akan terjadi apabila ibu bapa gagal menjadi contoh terbaik buat anak-anak.

Perbincangan isu ketiga ialah murid tidak mempraktikkan penuturan bahasa Arab di luar bilik darjah. Pentabiatan untuk pengetahuan yang telah diberikan hanya berlaku di sekolah sahaja. Responden kajian sependapat dengan isu ini apabila ketiga-tiga mereka menyatakan perkara yang sama. Sebenarnya pembelajaran bahasa kedua seperti bertutur bahasa Arab di luar kelas lebih signifikan (Tavakoli et al. 2016). Tambahan pula, salah seorang responden turut menyatakan tentang keperluan penglibatan pihak sekolah untuk menyokong kurikulum bahasa Arab kepada murid kerana sesebuah institusi pendidikan memang merupakan salah satu faktor kejayaan kurikulum (Richards 2001). Tambahan pula, menurut ketiga-tiga responden murid mereka kurang terdedah kepada persekitaran bahasa Arab. Perkara tersebut pada umumnya agak jelas kerana penduduk di sini terdiri daripada majoriti orang Kristian yang berbangsa Sungai dan Mangkaak (cabang daripada bangsa Dusun). Kebanyakan sekolah memilih subjek bahasa Kadazandusun sebagai subjek elektif kerana jumlah murid muslim agak sedikit. Berdasarkan kenyataan Dulay et al. (1982), kualiti persekitaran bahasa adalah amat penting untuk kejayaan dalam pembelajaran bahasa baharu.

Perbincangan seterusnya adalah terkait dengan dapatan kajian bagi objektif yang kedua iaitu kaedah pengajaran simulasi lisan frasa bahasa Arab. Kaedah pertama iaitu simulasi audio arab atau penutur jati bahasa Arab dapat menunjukkan sebutan frasa bahasa Arab yang tepat. Menurut Huttunen (1996), pita audio merupakan medium untuk sebutan dan video digunakan sebagai pengisian. Kaedah kedua yang penting untuk diaplikasikan oleh guru ialah sebutan suku kata. Pemotongan perkataan kepada beberapa suku kata akan memudahkan murid-murid untuk belajar menyebut khususnya murid tahun 1. Kaedah ini sesuai untuk mengatasi isu bacaan al-Qur'an murid. Walaupun mereka kurang terdedah dengan aktiviti mengaji di luar bilik darjah, peluang tersebut boleh disediakan oleh guru di dalam kelas bahasa Arab memandangkan bahasa al-Qur'an ialah bahasa Arab. Kaedah pengajaran yang terakhir ialah pembelajaran rakan sebaya (*peer learning*). Melalui kaedah ini guru menggunakan strategi pengajaran berpusatkan murid. Seorang



murid yang mahir melakukan simulasi lisan frasa bahasa Arab akan membuat simulasi di hadapan rakan-rakan yang lain. Pernyataan ini dikukuhkan dengan pendapat Eisenkopf (2010) iaitu pembelajaran rakan sebaya dapat meningkatkan kognitif murid melalui pembelajaran dan memberi motivasi.

Secara keseluruhannya, kesemua isu yang dikemukakan oleh peserta kajian dan dianalisis oleh pengkaji merupakan isu-isu yang berasas dan dapat diyakinkan dengan teori-teori pengkaji lepas serta dibuktikan dengan fakta. Ketiga-tiga responden kajian juga sememangnya mempunyai tahap pengetahuan yang jelas berkaitan tahap pencapaian murid mereka dan memiliki kesedaran yang tinggi akan faktor-faktor penguasaan simulasi lisan frasa bahasa Arab murid yang masih berada pada tahap lemah dan sederhana. Kaedah-kaedah pengajaran yang dijelaskan oleh pengkaji juga sesuai untuk diamalkan oleh guru-guru bahasa Arab khususnya peserta kajian untuk mengatasi isu-isu yang mereka hadapi.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Secara amnya, kajian ini diharapkan dapat memberi dan menambah pengetahuan khususnya kepada beberapa pihak seperti guru-guru bahasa Arab, pihak sekolah dan pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Dapatan kajian ini sememangnya boleh dimanfaatkan oleh guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab. Kemungkinan besar terdapat beberapa isu simulasi lisan frasa bahasa Arab yang telah dianalisis dalam dapatan kajian ini merupakan isu-isu yang sama berlaku di beberapa buah sekolah lain.

Selain itu, berpandukan perkongsian tiga orang responden kajian tersebut, pihak sekolah boleh menyokong dan membantu guru-guru untuk merancang pelbagai aktiviti bahasa Arab seperti minggu bahasa Arab di sekolah. Banyak aktiviti yang menarik boleh dilaksanakan seperti syarahan bahasa Arab, menggunakan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa perantara untuk perhimpunan mingguan, menyediakan ruang pidato bahasa Arab, melancarkan minggu bahasa Arab dan lain-lain. Usaha sebegini akan lebih berjaya jika mendapat usaha bersama dengan pihak sekolah dan bukannya dilaksanakan oleh guru bahasa Arab sahaja.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi input kepada pihak PPD berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh guru mereka dalam memastikan penguasaan kemahiran bertutur frasa bahasa Arab murid-murid di daerah Telupid. Pihak PPD boleh melaksanakan perbincangan dengan guru bahasa Arab serta melaksanakan kursus ataupun perkongsian amalan terbaik dalam kalangan guru-guru di peringkat daerah. Perbincangan juga hendaklah meliputi kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan oleh pihak PPD untuk mengatasi isu-isu yang dihadapi. Pegawai PPD juga boleh turun padang membuat lawatan ke sekolah untuk melaksanakan ziarah cakna terhadap pendidikan bahasa Arab.

## **KESIMPULAN**

Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, penglibatan ibu bapa sebagai responden tambahan perlu dipertimbangkan bagi mendapatkan pandangan lebih menyeluruh tentang pengaruh persekitaran keluarga terhadap penguasaan bahasa Arab murid. Selain itu, kajian pemerhatian terhadap amalan pengajaran simulasi lisan oleh guru-guru pakar juga boleh dilakukan untuk mengenal pasti teknik pengajaran terbaik yang boleh diaplikasikan di bilik darjah. Kajian lanjut ini penting bagi menambah baik kaedah pengajaran yang lebih relevan dengan keperluan murid di kawasan luar bandar. Secara

keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberi impak positif kepada guru-guru bahasa Arab dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dengan kaedah pengajaran yang lebih bervariasi dan berkesan, guru dapat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran bertutur murid, yang seterusnya dapat menyumbang kepada kejayaan murid dalam menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Al-Alwan, A. F. (2008). Self-regulated learning in high and low achieving students at al-Hussein bin Talal University (AHU) in Jordan. *International Journal of Applied Educational Studies*, 1(1), 1-13.
- Anuar, S. (2016). Tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UiTM Melaka. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 3(March), 14-15.
- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *GEMA Online@ Journal of Language Studies*, 12(2), 645-666.
- Azhar, M., Kamarul, A. J., Mohd, I. M., Karjo, S., & Fauziah, A. (2012). Kemahiran bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*, 888-899.
- Azrul, A. A., & Harun, B. (2019). Amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata peringkat sekolah kebangsaan di negeri Melaka. *GJAT, Special Issue*, 15.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Bahasa Arab: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tahun 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bruce, R. J., & Marsha, W. (1986). *Models of teaching*. Prentice-Hall.
- Che Nidzam, C. A., Kamisah, O., & Lilia, H. (2010). Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran makmal Sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 19-30.
- Deni, P. (2021). Pengaruh bahasa pertama terhadap proses belajar bahasa kedua. *Jurnal Komposisi*, 1, 1-8.
- Dulay, H. C., Burt, M. K., & Krashen, S. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Eisenkopf, G. (2010). Peer effects, motivation and learning. *Economics of Education Review*, 29(3): 364-374.
- Fadzliyah, H. (2019). Meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah melalui aplikasi "MulMed" dalam kalangan murid prasekolah. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2019)*.
- Faridah, N. (2023). Pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran bahasa Melayu. *LSP International Journal*, 10(1), 73-90.
- Gamal, Z. (2003). *Dari Syhadah ke Mahabbah*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Horwitz, E., Horwitz, M. B., & Cope, J. (1986). Foreign language classroom anxiety. *The Modern Language Journal*, 70, 125-132.
- Huttunen, I. (1996). The Role of Environment in Language Learning. *Council for cultural Cooperation: 1-20*.

- Ismahalil Ishak. (2018). Modenisasi dan Wacana Mengenai Penglibatan Remaja Dalam Gejala Sosial. Muat turun daripada [https://www.academia.edu/17331717/MODENISASI\\_DAN\\_MASALAH\\_SOSIAL\\_REMAJA](https://www.academia.edu/17331717/MODENISASI_DAN_MASALAH_SOSIAL_REMAJA) [ 9Januari 2024].
- Ismail, Z., Tamuri, A. H., Nik Yusoff, N. M. R., & Othman, M. A. U. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online@ Journal of Language Studies*, 11(2), 67-82.
- Juriah, L., Raminah, S., & Sofia, H. (1994). *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Kamal, J. I. B., Abdulateef, S., & Tunku Badariah, T. A. (2020). Second language speaking anxiety among Malaysian postgraduate students at a faculty of education.
- Kamaruddin, H. H. (1988). *Pedagogi bahasa pengkaedahan*. Kumpulan Budiman.
- Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul, S. M. T., Mohamed, A. E., Nik Mohd, R., & Zamri, M. (2009). Language learning strategies and motivation among religious secondary school students. *The International Journal of Language Society and Culture*, 29, 71-79.
- Kamarulzaman, A. G., & Saiful Nizam, S. (2019). Pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru j-QAF sekolah kebangsaan. *O-JIE The Online Journal of Islamic Education*, 7(1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya KPM.
- King, M. B., & Newmann, F. M. (2000). Will teacher learning advance school goals? *Phi Delta Kappan*, 576-580.
- Kumar, M. K. (2016). Challenges of implementing student-centered strategies in classrooms. *International Research Journal of Engineering and Technologies (IRJET)*, 3(12), 1224-1227.
- Longview Foundation. (2008). *Teacher preparation for a global age: The imperative for change*. Silver Spring, MD: Longview Foundation.
- Luoma, S. (2004). *Assessing speaking*. Cambridge University Press.
- Lynch, D. J. (2006). Motivational factors, learning strategies, and resource management as predictors of course grades. *College Students Journal*, 40(2), 423-428.
- Marilyn, F., & William, D. B. (1996). *Including students with special needs: A practical guide for classroom teachers*. Allyn & Bacon.
- Mohamad, Z. M., & Saini, A. D. (2017). Aplikasi Lughat al-Fasl dalam pengajaran bahasa Arab. *MANU*, 26, 153-183.
- Mohd Azidan, A. J. (2004). Gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab: Satu analisis ringkas. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 12(2), 101-110.
- Mohd Nasir, M. H. (2001). Analisis kesilapan sebutan bahasa al-Qur'an di kalangan pelajar sekolah menengah. *Tesis Sarjana, Universiti Malaya*.
- Mohd Salihin, H. M., Mohd Izzuddin, M. P., Fahed, M., Mohamad Rofian, I., & Ahmad Rezdaudin, G. (2020). Permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, 102-109.
- Nadwah, D., & Nadhilah, A. P. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 555-569.

- Noor Anida binti Awang, Misrah Hamisah binti Mohamed & Ruhaizan binti Sulaiman @ Abd. Rahim. (2013). Enhancing Arabic Speaking Skills among Malay Students through Group Work Activities. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol 3(21): 212-219.
- Noradilah, A., & Lai Wei, S. (2019). Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 69-75.
- Norfaezah, M. H. (2015). Effective technique of teaching and learning Arabic language in the classroom: A case study in selected national religious secondary schools (SMKA) in Selangor. *The International Conference on Language, Literature, Culture and Education*, 113-118.
- Nurazan, M. R. (2018). A review on the factors affecting the learning of Arabic macro-skills among Malay undergraduate students. *Humanities and Social Research*, 1(1), 53-59.
- Nur Afifah, M. A. (2012). Masalah sebutan bunyi vokal bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di IPTA. *Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya*.
- Qassem, F., Sayed, S. A. H., & Sakhi, M. G. (2023). Lesson plan and its importance in teaching process. *International Journal of Current Science Research and Review*, 6(8), 5901-5913.
- Richards, J. C. (2001). *Curriculum Development in Language Teaching*. Cambridge: University Press.
- Rosni, S., Mohd Fauzi, A. H., Shaferul Hafes, S., & Amizan Helmi, M. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116.
- Siti Salwa, N., Norasyikin, O., & Nurazan, M. R. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59-69.
- Tavakoli, N., Shakeri, N., Ghanbarzadeh, T. (2016). Language Learning Beyond the Classroom. *JIEB*: 153-162.
- Tenny, S., Brannan, J. M., & Brannan, G. D. (2002). Qualitative study. Updated 2022 Sep 18. In: *StatPearls*. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK470395>
- Yoshida, R. (2008). Learners' perception of corrective feedback in pair work. *Foreign Language Annals*, 41(3), 525-541.